

Usaha untuk lahirkan generasi berdayacipta

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan sedang memikirkan cara-cara bagi melahirkan generasi yang lebih berdayacipta dan kreatif dalam penciptaan barang-barang pembuatan menerusi sistem pelajaran untuk kepentingan bidang perusahaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa

berkata, ini termasuk penciptaan mesin dan jentera ke arah penguasaan teknologi moden untuk menjadikan asas penting bagi perkembangan perusahaan kecil dan besar.

Untuk melahirkan generasi sedemikian, beliau menegaskan murid sekolah perlu didedah seawal yang boleh kepada pengetahuan membuat barang dan bagaimana

mesin dan jentera bergerak.

Pendedahan itu, tambah Timbalan Perdana Menteri, bukanlah saja kepada pengetahuan asas sains dan seni binaan dan bukan setakat boleh membaiki sesuatu mesin atau jentera atau sekadar boleh meniru membuat sesuatu barang.

Beliau menegaskan demikian ketika berucap merasmikan Pusat Pameran dan Sumber Teknologi Perusahaan Kecil di sini hari ini.

Datuk Musa berkata pendedahan yang patut diberi kepada murid ialah yang membolehkan mereka meneroka lebih maju untuk mencipta barang, mesin dan jentera baru.

"Semua ini harus dipupuk melalui sistem pelajaran insyaaallah ini akan kita lakukan," katanya.

Datuk Musa Hitam menegaskan, usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang gagah akan menjadi angangan Mat Jenin jika

rakyat bertindak seperti Pak Pandir dan Si Luncai.

Menurut beliau, Malaysia mempunyai segala asas yang kuat untuk menjadi sebuah negara perindustrian yang gagah dan terkemuka di dunia.

Bimbing

Beliau yakin negara ini mampu melahirkan usahawan terkemuka seperti Tan Sri Matushita atau Henry Ford yang dapat mengharumkan nama Malaysia jika rakyat diberi peluang menajejar impian-impian negara.

"Kerajaan percaya segala dorongan, bantuan dan galakan yang diberi akan dapat melahirkan lebih ramai lagi para usahawan, ahli perniagaan, pektilang dan sebagainya.

"Sebab itulah kita menubuhkan pusat yang dirasmikan pembukaannya hari ini. Sebab itulah juga kerajaan ingin membimbing usahawan sekalian ke arah usaha yang lebih cekap dan bijak.

"Dengan lain perkara, kerajaan ingin menunjukkan jalan ke arah penggunaan teknologi. Pada asasnya, kerajaan ingin memperkenalkan teknologi yang sesuai dengan perusahaan kecil".

Penggunaan

Dalam hubungan ini, jelas Datuk Musa kerajaan tidak mahu menghadkan bidang perusahaan kecil negara kepada penggunaan teknologi ahli sahaja sebaliknya mereka hendaklah juga berani mempelajari dan menyesuaikan diri dengan teknologi asing.

Kerajaan, katanya menyedari hakikat bahawa perusahaan kecil selama ini kurang mendapat perhatian berat dari usahawan dan pemodal tempatan kerana ia lebih bercorak industri keluarga yang tradisional serta kurang mementingkan aspek pengurusan, kewangan dan mutu.

"Tetapi hakikat ini sungguh berbeza di beberapa negara maju seperti Jepun dan Korea Selatan. Perusahaan kecil di negara berkenaan diafikan sebagai nasid kepada pertumbuhan industri sederhana ataupun industri yang lebih besar operasinya.

"Perusahaan kecil di Jepun dan Korea Selatan pada umumnya juga diuruskan dengan cekap dan mengikut ciri-ciri pengurusan moden. Ia juga menggunakan teknologi moden.

Usahawan

"Itulah sebabnya kerajaan hari ini memikirkan bagaimanakah industri-industri besar boleh mendorong serta menggalakkan pertumbuhan perusahaan kecil dengan lebih cepat. Misalnya dari projek Kereta Malaysia yang sedang dilaksanakan sekarang," katanya.

Datuk Musa juga menggesa bank-bank perdagangan dan institusi kewangan tempatan supaya lebih cergas membantu usahawan kecil yang berharapan untuk mengembangkan perusahaannya.

"Ada pihak-pihak yang mendakwa bahawa bank-bank tidak begitu bersimpati dengan pengusaha-pengusaha kecil. Alasan yang diberi ialah bahawa pinjaman yang diberi kepada pengusaha kecil menimbulkan risiko yang terlalu besar kepada pihak bank.

"Kita harus mencari jalan keluar. Oleh itu kerajaan berharap bank-bank, institusi kewangan yang lain, Syarikat Jaminan Kredit (CGC) dan Mara akan memalinkan peranan dalam hal ini.

"Demikianlah juga harapan kerajaan kepada Bank Pembangunan Malaysia dalam hal ini," jelasnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia